

Pemerintahan Negeri Melayu Sadong di Gedong

Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Brunei ada beberapa orang pembesar di satu-satu kawasan, seperti Datuk Patinggi, Datuk Bandar dan Datuk Temenggong. Tetapi di Batang Sadong agak berlainan kerana hanya terdapat dua sahaja pembesar iaitu, Datuk Patinggi dan Datuk Bandar. Diceritakan bahawa Raden Ali dan empat orang saudaranya telah berangkat dari Brunei hendak berhijrah ke tempat baharu. Masing-masing menaiki kapal mereka sendiri. Dalam pelayaran tersebut mereka telah dipukul ribut angin barat laut yang kencang, hingga kapal mereka terumbang ambing dan berpecah haluan masing-masing. Seorang telah terdampar di Teluk Aur, lalu beliau membuka negeri Sarawak. Seorang lagi terdampar di Batu Lahan. Seterusnya beliau membuka negeri di Tandang Sari, Saribas. Adapun saudara yang ketiga terkandas di Batang Luper. Beliau pun membuka negeri di Sungai Lingga. Saudara yang keempat, Raden Ali pula terdampar di Sadong, lalu membuka negeri di Gedong. Terakhir sekali saudara yang kelima terdampar di Tanjung Datuk lalu membuka negeri di Pontianak. Demikianlah cerita bermulanya lima buah negeri, iaitu Sarawak, Saribas, Lingga, Sadong dan Pontianak.

Datuk Patinggi (Raden) Ali

(Rujuk Ringkasan Keturunan Pemerintahan Sadong [Gedong])

Datuk Patinggi (Raden) Ali bin Temenggong Ismail bin Datuk Patinggi Osman bin Datuk Patinggi Samsudin bin Datuk Patinggi Kadir Jarum bin Laksamana Hussein bin Laksamana Hassan bin Datuk Perdana Menteri. Keturunan beliau berasal dari Jawa, diikuti Pontianak dan Brunei. Beliau merupakan pemerintah pertama di Sadong yang ditadbir dari Gedong.

Nama asal beliau adalah Raden Ali dan kemudian bergelar Datuk Patinggi Ali di Batang Sadong dan merupakan pemerintah Brunei di kawasan tersebut. Penempatan pertama beliau di Batang Sadong adalah di Gedong. Isteri beliau bernama Dayang Nur Mala binti Mangku Bumi berasal dari Sanggau, Batang Kapuas (kini di Kalimantan Barat, Indonesia).

Datuk Patinggi Mula

Datuk Patinggi Mula bin Datuk Patinggi Ali. Dua anak beliau telah menjadi Datuk Patinggi Sadong, di Gedong.

Datuk Patinggi Hamid

Datuk Patinggi Hamid bin Datuk Patinggi Mula. Beliau merupakan salah seorang anak Datuk Patinggi Mula yang menjadi Datuk Patinggi Sadong di Gedong.

Datuk Patinggi Ahmad

Datuk Patinggi Ahmad bin Datuk Patinggi Mula. Beliau dan keturunannya terus memerintah Sadong sehingga berakhinya pemerintahan Kesultanan Brunei di Sadong yang berpusat di Gedong.

Datuk Patinggi Said

Tidak diketahui kisah hidup serta keturunan beliau. Walau bagaimanapun disebut dan dicerita oleh orang tua pada masa lalu.


Datuk Patinggi Osman (Seman)

Datuk Patinggi Osman (Seman) bin Datuk Patinggi Ahmad. Beliau juga merupakan keturunan Datuk Patinggi (Raden) Ali.

Datuk Patinggi Ismail

Datuk Patinggi Ismail bin Datuk Patinggi Osman (Seman). Susur galur keturunan beliau adalah juga daripada pemerintah di Sadong yang pertama.

KETURUNAN PEMERINTAH GEDONG (SADONG)



Sumber: Zapari Mardan, 2016

Datuk Patinggi Daud (Madaud)

(Rujuk Ringkasan Keturunan Datuk Patinggi Daud (Madaud))

Datuk Patinggi Daud juga dikenali sebagai Datuk Patinggi Madaud. Asal usul beliau tidak diketahui setakat ini. Salah seorang anak beliau adalah Abang Abdul Rahman yang berkahwin dengan Dayang Yot; iaitu anak kepada Abang Amit bin Datuk Patinggi Unus. Masih ramai keturunannya di Gedong, walaupun kisah-kisah hidupnya tidak diketahui. Abang Abdul Rahman dan isterinya, Dayang Yot mendapat tiga orang putera dan seorang puteri, iaitu;

1. Dayang Timinah (Dayang Inot) berkahwin dengan Abang Jamaluddin bin Datuk Patinggi Muai (Keturunan Datuk Patinggi Muai). Mereka mendapat enam orang anak, Abang Shamsuddin, Dayang Lalot, Dayang Rajmah, Dayang Mas, Dayang Enggot dan Abang Ali. Hanya keturunan Dayang Timinah (Dayang Inot) yang menetap di Gedong. Tiga anak lelaki, semuanya berhijrah ke Lingga.
2. Abang Anding berkahwin dengan Dayang Ragayah. Abang Anding menjadi Konsel di Lingga dari 1903-1918 menggantikan tempat mentuanya. Beliau mendapat enam orang anak. Anak-anak beliau;
 - a. Abang Alias menjadi Konsel di Lawas pada tahun 1911 dan kemudian menetap di Matu.
 - b. Abang Mustapha menjadi Imam Lingga dari 1922-1924.
 - c. Mohamad Daud menjadi Konsel Lingga dari 1918-1938, menggantikan bapanya.
 - d. Abang Bujang menjadi Konsel di Kabong sehingga 1941.
 - e. Dayang Maskolam puteri bongsunya, pula beranak Abang Zen, iaitu Pemanca Lingga. Anak Abang Zen, iaitu Pemanca Abang Bohari pula menjadi Pemanca di Lingga pada masa ini.
3. Abang Masait berkahwin dengan Halimah binti Osman. Berhijrah ke Lingga dari Gedong serta beristeri di sana. Beliau ada empat orang anak dan beliau meninggal dunia tahun 1934 di Lingga.
4. Abang Abdul Rani berkahwin dan menetap di Lingga. Anaknya, Dayang Jaliha telah berkahwin dengan Abang Aing bin Laksamana Menudian. Abang Aing merupakan orang kanan Charles Brooke ketika beliau berada di Lingga, Nanga Skrang dan Simanggang. Mendapat anak, Abang Arin (Arip) yang berkahwin dengan Dayang Mastiah. Abang Arin mendapat anak Datu Zen yang menjadi Konsel di Simanggang.

Datuk Patinggi Unus bin Datuk Patinggi Ismail

Datuk Patinggi Unus beristerikan Dayang Kinju (*Kinju*). Mereka mendapat empat orang anak, iaitu:

1. Abang Amit.
2. Abang Hamid kemudian Datuk Patinggi Hamid.
3. Dayang Sepada.
4. Dayang Minah.


Abang Amit bin Datuk Patinggi Unus hendak diangkat menjadi Datuk Bandar di Batang Sadong, tetapi beliau telah menolak lantikan tersebut. Maka adik beliau, Abang Hamid telah dilantik menjadi Datuk Bandar di Sadong. Kemudian Datuk Bandar Hamid bin Datuk Patinggi Unus telah diangkat menjadi Datuk Patinggi di Batang Sadong. Abang Amit telah berkahwin dengan Dayang Induk binti Patinggi Kadir (Kedit) dari Saribas. Di antara anak-anak mereka berdua adalah;

1. Abang Mohamad Kassim atau Datuk Bandar Mohamad Kassim berkahwin dua; pertama Dayang Upik (Derma) dan kedua Dayang Nor Alam binti Abang Rauf bin Abang Kahar. Kedua-dua isteri beliau berasal dari Sarawak.
2. Abang Haji Sulaiman atau Datuk Bandar Abang Haji Sulaiman berkahwin dengan Dayang Kamariah binti Datuk Patinggi Abdul Gapor bin Abang Kahar. Isteri-isteri Abang Haji Sulaiman dan Abang Mohamad Kassim adalah sepupu.
3. Abang Omar.
4. Dayang Kayah.
5. Dayang Yot berkahwin dengan Abang Abdul Rahman bin Datuk Patinggi Daud (Madaud).
6. Dayang Iti.

Datuk Patinggi Hamid

Datuk Patinggi Hamid sebenarnya menggantikan tempat abangnya, Abang Amit sebagai Datuk Patinggi kerana keengganan abangnya memegang jawatan tersebut.

KETURUNAN DATUK PATINGGI DAUD (MADAUD)



Nota: + Kahwin

Sumber: Zapari Mardan.

Datuk Patinggi Muai bin Abang Karim (Pedin)

(Rujuk Ringkasan Keturunan Datuk Patinggi Muai)

Datuk Patinggi Muai bin Abang Karim (Pedin) adalah salah seorang daripada hulubalang tujuh yang berasal dari Banjarmasin. Diceritakan mereka berhijrah ke Gedong, Sadong kerana telah tewas dalam perebutan takhta di Banjarmasin. Pewaris yang mereka sokong dalam perebutan tersebut telah dibuang negeri ke Ceylon dalam tahun 1787. Mereka bertujuh telah membawa diri hingga ke Gedong. Tuah telah menyebelahi Datuk Patinggi Muai hingga dilantik menjadi pembesar di situ. Mereka tujuh beraidat terdiri daripada:

1. Datuk Muai (Datuk Patinggi).
2. Datuk Merdan.
3. Datuk Mud.
4. Datuk Taha (Telaha).
5. Datuk Kassim.
6. Datuk Ali.
7. Datuk Kedar.

Diceritakan semasa Datuk Patinggi Muai memerintah Sadong di Gedong, satu rombongan kerabat Sultan Brunei telah datang ke Gedong, Sadong untuk menetap di sana, tetapi pembesar-pembesar yang ada di Gedong tidak setuju rombongan tersebut menetap di situ. Ini disebabkan mereka tidak mahu berlakunya perselisihan faham di antara pembesar tempatan dengan kerabat tersebut. Maka telah dipersetujui, rombongan itu menetap di sebelah Hulu Gedong. Oleh yang demikian, Jaiee (Jahi) telah dipilih bagi penempatan mereka. Di perkuburan orang Islam Kampung Gumpay di Munggu Bejit, terdapat makam Pengiran Kesuma Yuda iaitu kerabat Sultan Brunei yang meninggal dalam tahun 1832. Pada masa ini, Jaiee telah ditinggalkan dan penduduk-penduduk di situ sama ada telah berpindah ke penempatan baharu, iaitu Kampung Gumpay, berhijrah ke Gedong atau ke tempat-tempat lain. Di Kampung Gumpay, terdapat ramai penduduknya yang mewarisi gelaran keturunan keluarga Brunei. Di Gedong pula hanya segelintir yang membawa gelaran yang sama, kecuali golongan Perabangan. Namun demikian, gelaran ini jarang digunakan.

Sebelum Sadong diperintah oleh keluarga Brooke, keadaan di situ tidak aman. Oleh yang demikian, semua pembesar di Gedong telah bersetuju supaya Sadong diperintah oleh Brooke. Ini memandangkan Sarawak (Kuching) telah aman di bawah pemerintahan Brooke. Tetapi keadaan telah menjadi aman kemudian. Oleh itu Datuk Patinggi Muai membantah cadangan supaya Sadong ditukar pentadbiran kepada Brooke. Lain-lain pembesar masih lagi bersetuju dengan cadangan pertukaran tersebut, termasuklah Datuk Bandar Mohamad Kassim. Akhirnya Datuk Patinggi Muai terpaksa akur juga kerana beliau keseorangan membantah cadangan itu. Oleh hal yang demikian, beliau tidak disukai oleh orang ramai. Kemudian Sadong akhirnya diperintah oleh keluarga Brooke.

Di Gedong, Datuk Patinggi Muai lebih dikenali dengan panggilan Bandar Muai. Isteri beliau bernama Dayang Gemala. Pada tahun 1945, nama beliau telah tercatat dalam sejarah sebagai; "Patinggi Muel". Beliau meninggal dunia pada tahun 1847 dan dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Mayong, Gedong. Ramai keturunan beliau masih lagi menetap di Gedong sehingga ke hari ini.



Foto 1.7. Gambar batu nisan Makam Datuk Patinggi Muai dalam buku yang ditulis oleh Abang Yusuf Puteh yang bertajuk "Malays of Sarawak".



Foto 1.9. Haji Sebran bin Haji Mustapa (baju putih) menunjukkan kedudukan makam Datuk Patinggi Muai.



Foto 1.8. Pemandangan dari hadapan batu nisan Datuk Patinggi Muai bin Abg. Karim@Pedin yang dijumpai semula pada tahun 2015. Tempat dijumpai ialah di Tanah Perkuburan Islam Mayong, Gedong.

Sumber: Mohd. Anwar Zapari

Foto 1.10. Hanya kelihatan tapak/batu dasar makam Datuk Patinggi Muai yang telah ditenggelami air paya.




Foto 1.11. Kerja-kerja mengesan batu dasar nisan Datuk Patinggi Muai oleh cicit-cicit beliau; iaitu Datuk Haji Mohd. Naroden Haji Majais, Paza Haji Dan dan Haji Abang Sriee Mohamad.


Sumber: Zapari Mardan

Beberapa orang anak Datuk Patinggi Muai iaitu:

- i. Abang Jamaluddin berkahwin dengan Dayang Timinah (Dayang Imot) binti Abang Abdul Rahman bin Datuk Patinggi Daud (Keturunan Datuk Patinggi Daud).
- ii. Abang Mat Lair berkahwin dengan Endek binti Bana (Rujuk Ringkasan Keturunan Bana).
- iii. Dayang Siah berkahwin dengan Abang Haji Mirhassan bin Abang Abdul Rauf bin Abang Kahar (dari Sarawak).
- iv. Dayang Imot berkahwin dengan Drahman (Man) bin Datok Sri Maharaja (Saribas).
- vii. Abang Apong dilantik menjadi Ketua Kampung Gedong. Kemudian diganti oleh Abang Bujang, salah seorang daripada anak-anak beliau telah dilantik menjadi Tua Kampong Gedong, 1882-1925 (*Native Officer*). Abang Usop bin Abang Bujang cucu beliau telah dilantik menjadi Pengulu pertama di Gedong, 1972-1987. Begitu juga cicit beliau, Abang Ena bin Abang Usop (semasa) telah dilantik menjadi Ketua Kampung di Gedong (kini).
- x. Dayang Masputin berkahwin dengan Mas Kuta (Abang Manggok) bin Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim Keturunan Datuk Patinggi (Raden) Ali.

KETURUNAN DATUK PATINGGI MUAI





Nota: + Kahwin
Sumber: Zapari Mardan.

Datuk Patinggi Julak Ali

(Rujuk Ringkasan Keturunan Datuk Patinggi Julak Ali)

Datuk Patinggi Julak Ali telah berkahwin dengan Datuk Nerati. Salah seorang anak mereka Abang Mat Japar telah menjadi Tua Kampung tidak lama selepas itu. Datuk Patinggi Julak Ali meninggal dunia ketika berjuang mempertahankan Tanjung Penaga daripada serangan musuh yang berasal dari Saribas pada 1 Mac 1849. Peristiwa tersebut diingati oleh masyarakat Gedong (Sadong) sebagai “KesahTanjong Penaga Kenak Langga Musoh”.

Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim bin Abang Amit

Abang Mohamad Kassim bin Abg. Amit telah dilantik menjadi Datuk Bandar di Batang Sadong sekitar awal tahun 1840-an hingga 1848. Kemudiannya beliau telah disingkir oleh Pemerintahan Brooke atas beberapa tuduhan salah laku. Tempat beliau sebagai Datuk Bandar telah diganti dengan perlantikan adiknya Datuk Bandar Abang Haji Sulaiman bin Abang Amit. Namun demikian, beliau telah dilantik semula sebagai Datuk Bandar Batang Sadong pada tahun 1859. Pada tahun 1860 beliau sekali lagi dilucutkan jawatannya oleh pemerintahan Brooke. Beliau telah dituduh secara aktif terlibat sama dalam rancangan *The Malay Plot* dalam tahun 1859, iaitu rancangan untuk membunuh semua pegawai berkulit putih dalam pemerintahan Brooke. Beliau telah dituduh bersubhat bersama-sama dengan Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor dari Sarawak dan Sharif Masahor dari Sarikei. Dalam peristiwa tersebut, perahu Sharif Masahor telah diserang di Simunjan, Batang Sadong pada bulan Februari 1860 dan beliau bernasib baik kerana dapat menyelamatkan diri ke dalam hutan. Kemudian angkatan perang pemerintahan Brooke yang dipimpin oleh anak saudaranya iaitu Charles Brooke, telah berangkat ke Gedong untuk menyerang Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim. Mujurlah ketika angkatan tersebut sampai di Gedong, Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim serta pengikut-pengikutnya telah berundur ke Hulu Batang Kapuas (kini Indonesia).

Walaupun begitu, Charles Brooke tetap mengambil tindakan yang keras terhadap Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim. Semua orang suruhan Datuk Bandar Kassim dibebaskan serta semua harta bendanya telah dirampas dan dibawa ke Sarawak (kini Kuching). Dalam pada itu, Charles Brooke telah memberi arahan agar Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim menyerah diri ke Sarawak, iaitu sekembalinya beliau dari Hulu Kapuas nanti. Beliau telah pergi ke Sarawak bersama-sama dengan isteri beliau Dayang Upik (Derma). Mereka berdua disertai oleh salah seorang putera mereka, iaitu Abang Mawang. Beliau telah meninggal dunia di Kuching, Sarawak tidak lama selepas itu dalam tahun 1860-an. Antara anak Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim dengan isteri pertama, Dayang Upik (Derma) adalah:

1. Dayang Fatimah berkahwin dengan Imam Timbol (Jambol).
2. Abang Abdul Rahman. Digelar Tedong kerana ketangkasannya seperti ular tedong ketika menghadapi musuh.
3. Abang Manggok (Anggok/Mas Kuta) berkahwin dengan Dayang Masputin (Dayang Itam/Utin) binti Datuk Patinggi Muai. Digelar Mas Kuta kerana beliau merupakan orang kuat dan panglima utama menjaga kota-kota ketika Gedong hendak diserang musuh dalam tahun 1849 dahulu.
4. Abang Mawang (Maong). Telah bersama-sama orang tuanya berpindah ke Sarawak.
5. Abang Ismail.

Manakala dengan isteri kedua, iaitu Dayang Nor Alam binti Abdul Rauf, maka lahirlah pula Abang Ali. Isteri kedua, Datuk Bandar Mohamad Kassim merupakan anak saudara Datuk Patinggi Abdul Gapor bin Abang Kahar. Brooke tidak menyukai dengan perkahwinan ini, kerana sangat khuatir akan ancaman daripada kelompok ini terhadap pemerintahannya. Beliau sentiasa menunggu peluang untuk menjatuhkan Datuk Bandar Kassim. Saat-saat ditunggu sampai juga pada tahun 1859 dengan berlakunya peristiwa *The Malay Plot*.


Sebelum ini telah dinyatakan keturunan para pembesar yang memerintah Sadong yang berpusat di Gedong. Mengikut kajian arkeologi, Gedong telah wujud hampir seribu tahun yang lalu. Iaitu sebelum menjadi jajahan Pemerintahan Kesultanan Brunei. Oleh yang demikian, banyak penempatan yang diwujudkan kemudiannya sama ada telah dibuka atau didiami oleh masyarakat yang berasal dari Gedong. Kawasan yang menjadi tumpuan adalah di sepanjang Batang Sadong, dari kuala

hingga ke hulunya serta kawasan-kawasan pesisir pantai yang berhampiran dengan muara Batang Sadong. Maka oleh yang demikian ramai penduduk di kawasan-kawasan tersebut mempunyai hubungan kekeluargaan atau susur galur keturunan dengan masyarakat Gedong.


Datuk Bandar Abang Haji Sulaiman bin Abang Amit

Datuk Bandar Abang Haji Sulaiman bin Abang Amit telah menjadi Datuk Bandar di Batang Sadong pada 1848. Kemudian beliau juga menerima nasib yang sama dengan abangnya Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim yang telah dilucutkan jawatannya dalam tahun 1849.

KETURUNAN DATUK PATINGGI JULAK ALI




Nota: + Kahwin
Sumber: Zapari Mardan.





Nota: + Kahwin
Sumber: Zapari Mardan.

KETURUNAN DATUK BANA



Nota: + Kahwin
Sumber: Zapari Mardan.



Nota: + Kahwin
Sumber: Zapari Mardan.

Penghijrahan Masyarakat Luar ke Gedong

Pada zaman dahulu, penghijrahan ini berlaku tanpa ada garis sempadan seperti zaman sekarang. Konsep garis sempadan yang nyata dan yang ghaib dikatakan untuk “othering”, “yang lain”, “mengkamukan” dan “mengkamikan” dalam ungkapan “siapa kamu dan siapa kami” merupakan ciptaan barat dalam konsep pembinaan negara bangsa. Konsep ini pernah dibahaskan oleh Prof. Madya Dr. Sanib bin Said ketika menjadi Pengarah Institut Pengajian Asian Timur (IPAT), Universiti Malaysia Sarawak yang menyatakan, “... penghijrahan yang berlaku telah membawa terpisah daripada tempat asal, satu dengan erti kata bahawa identiti bangsa atau memiliki satu sejarah, satu kebudayaan, satu bahasa, satu agama dan satu ruang”. Faktor inilah memudahkan pergerakan masyarakat dahulu ke mana-mana sahaja tanpa wujudnya perbatasan. Pergerakan yang mudah ini menjadikan penghijrahan masyarakat dahulu kerap kali berlaku.

Selain itu, bukti penghijrahan ini jelas dilihat dalam beberapa fasa tertentu sebelum dan selepas sesuatu zaman. Penghijrahan ini berlaku disebabkan beberapa tujuan utama seperti mencari penghidupan baharu, rezeki dan tempat berteduh. Penghidupan baharu ini didorong apabila berlakunya perkahwinan. Manakala mencari tempat berteduh adalah untuk mengelak berlakunya peperangan. Kawasan Gedong merupakan sebuah kawasan yang sangat kaya dengan khazanah alam semula jadinya. Puncak rezeki dari alam telah menjadi sumber bahan utama yang menarik kedatangan pedagang-pedagang di Gedong. Gedong pada masa tersebut lebih dikenali sebagai pelabuhan pengumpulan bahan dagangan dari kawasan pedalaman. Kedatangan masyarakat luar ke Gedong, khususnya dan pesisir Batang Sadong, amnya adalah dari beberapa tempat utama iaitu penghijrahan dari Kalimantan Barat, penghijrahan dari Minangkabau Pagar Ruyung, Sumatera Barat dan penghijrahan dari Brunei.



Foto 1.12. Batang Sadong digunakan sebagai laluan utama pada masa dahulu.